

**PENILAIAN TERHADAP PELAKSANAAN DALAM
PEMBANGUNAN PROGRAM HOMESTAY WALAI
TOKOU KUNDASANG, SABAH**

RUZILA BINTI ISMAIL

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA**



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2017

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL: PENILAIAN TERHADAP PELAKSANAAN DALAM PEMBANGUNAN PROGRAM HOMESTAY WALAI TOKOU KUNDASANG, SABAH

IJAZAH: SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)

Saya **RUZILA BINTI ISMAIL**, sesi **2014-2017**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan, Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

RUZILA BINTI ISMAIL
MA1411048T

Tarikh: 25 SEPTEMBER 2017

Disahkan Oleh **RUZILA BINTI ISMAIL**


LIBRARIAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(Tanda Tangan Pustakawan)

Prof Md Dr Jabul bin Mapjabil
Penyelia

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

27 MAC 2017



RUZILA BINTI ISMAIL
MA1411048T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **RUZILA BINTI ISMAIL**
NO.MATRIK : **MA1411048T**
TAJUK : **PENILAIAN TERHADAP PELAKSANAAN DALAM
PEMBANGUNAN PROGRAM HOMESTAY WALAI
TOKOU KUNDASANG, SABAH**
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)**
TARIKH VIVA : **24 OGOS 2017**

DISAHKAN OLEH :

1. **PENYELIA UTAMA**
PROFESOR MADYA DR.JABIL MAPJABIL



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Jabil', is written over a horizontal line.

ABSTRAK

Program homestay di Malaysia telah beroperasi lebih daripada dua dekad. Isu kajian banyak tertumpu kepada pembangunan program homestay, penglibatan komuniti, kepentingan dan faktor mempengaruhi pembangunannya. Namun begitu, tidak terdapat kajian tentang penilaian pembangunan program homestay terutamanya dari aspek pematuhan terhadap garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPKM) serta keberkesanan pelaksanaannya terhadap komuniti setempat serta pengalaman pelancong. Terdapat tiga objektif kajian ini, iaitu (i) meneliti kriteria pematuhan dan pengubahsuaian dalam pelaksanaan garis panduan yang ditetapkan oleh KPKM; (ii) menilai keberkesanan pelaksanaan dalam pembangunan program homestay dalam konteks manfaat dan sumbangan program homestay kepada penduduk sekitar selepas program ini dilaksanakan lebih 15 tahun dan (iii) menilai keberkesanan pelaksanaan dalam pembangunan program homestay daripada perspektif pelancong (antarabangsa dan domestik) sama ada berjaya atau sebaliknya sepertimana tujuan asal diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada tahun 1995 dahulu. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah pendekatan penilaian dengan mengaplikasikan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Responden kajian ini terdiri daripada 10 orang pengusaha homestay, 122 orang responden dalam kalangan penduduk setempat dan 135 orang responden adalah pelancong (domestik & antarabangsa). Kajian ini menggunakan teknik temu bual mendalam, temu bual dengan borang soal selidik, penglibatan ikut serta dan pemerhatian. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical for Social Science* (SPSS) dengan penggunaan teknik analisis kekerapan, *crossstab* dan min. Data yang diperolehi dipersembahkan dalam bentuk carta pai, graf dan jadual. Dapatan kajian menunjukkan Program Homestay Walai Tokou masih mematuhi garis panduan yang ditetapkan, namun terdapat beberapa aspek yang sudah diubah suai seperti penyediaan bilik kepada pelancong, penyediaan pakej dan aktiviti program homestay. Manfaat utama program homestay kepada komuniti setempat termasuklah dapat menjana sumber pendapatan sampingan (81.9%), memberi peluang pekerjaan (86.8%) dan menggalakkan budaya keusahawanan (82.0%). Dari aspek perspektif pelancong dalam pelaksanaan pembangunan homestay, majoriti responden berpuas hati dengan perkhidmatan seperti layanan pengusaha kepada pelancong (73.3%), aspek persekitaran yang baik, bersih dan cantik (61.4%) serta aktiviti kebudayaan seperti permainan alat muzik tradisional (60.0%). Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan penilaian terhadap pembangunan program homestay adalah relevan untuk membantu program homestay terus kekal berdaya saing pada masa hadapan.

ABSTRACT

ASSESSMENT ON IMPLEMENTATION IN DEVELOPMENT OF PROGRAM WALAY TOKOU HOMESTAY KUNDASANG, SABAH

Homestay programme in Malaysia has been operating for more than two decades. The Study issue much focused to homestay development of the program, community involvement, interest and factor influence its development. However, there is no study on homestay development of the program assessment are mainly from compliance aspect guideline that is set by Ministry of Tourism and Culture Malaysia Tourism (KPKM) implementation effectiveness towards local community and tourist experience. There study of three objective is (i) scrutinising compliance criteria and modification in implementation of guideline was fixed by KPKM; (ii) evaluating implementation effectiveness in development of the programme homestay on benefit context and contribution of homestay programme to people around after this programme implemented over 15 years and (iii) evaluating of effectiveness implementation in development of the programme homestay from tourist perspective (international and domestic) whether succeed or otherwise like original purpose was introduced by (KPKM) in year 1995 ago. Research design used is assessment approach by applying qualitative method and quantitative. Respondent on this research consist of 10 people homestay entrepreneur, 122 respondent among local residents and 135 respondent is tourist (domestic and International). This study use deep interview technique, interview with questionnaire form, involvement participate and observation. Data analysed use Statistical for Social Science (SPSS) software use with the frequency analytical technique, crosstab and mean. Data achieved was presented in the form of pie chart and graph schedule. Findings research showed Program Homestay Walai Tokou still comply with guideline set, however there are some aspects that already modified like room preparation to tourists, package preparation and homestay programme activity. Benefit of the homestay programme to local community to provide a side income (18.9%), provide job opportunity (86.8%) and encourage entrepreneurial culture (82.0%). From the perspective of tourists in the implementation of development homestay, majority of the respondents were satisfied with services such as service operators for tourist (73.3%), environmental aspect that is good, clean and beautiful (61.4%) and cultural activity like traditional musical instrument performance (60.0%). Therefore, based on findings show assessment study towards development of homestay programme is relevance to help homestay programme continued forward developed in the future.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI FOTO	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Skop Kajian	5
1.6.1 Isu Kajian	5
1.6.2 Lokasi Kajian	6



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.6.3	Responden Kajian	6
1.6.4	Tempoh Masa Kajian	6
1.7	Kawasan Kajian	7
1.7.1	Ciri Lokasi Geografi	7
1.7.2	Ciri Persekitaran Fizikal	8
1.7.3	Ciri Persekitaran Manusia	8
1.8	Kepentingan Kajian	11
1.8.1	Disiplin Ilmu Geografi	12
1.8.2	industri Pelancongan	12
1.8.3	Pembuat dan Pelaksana Dasar	12
1.8.4	Sumber Literatur Penyelidikan	13
1.9	Organisasi Bab	13
1.10	Kesimpulan	14

BAB 2 TINJAUAN BAHAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Konsep Utama Kajian	15
2.2.1	Homestay	15
2.2.2	Pelancongan	17
2.2.3	Pelancongan Desa	18
2.2.4	Pelancong	18
2.2.5	Kepuasan Pelancong	19

2.2.6	Komuniti	20
2.3	Definisi Operasional Untuk Konsep Utama	20
2.4	Latar Belakang Teori dan Model	21
2.4.1	Kerangka Teori Penglibatan Komuniti	22
2.4.2	Model Program Homestay Komuniti	23
2.4.3	Model Hubungan Pengusaha, Pelancong dan Komuniti	24
2.5	Latar Belakang dan Pembangunan Program Homestay	25
2.5.1	Sejarah dan Latar Belakang Pembangunan Program Homestay Peringkat Antarabangsa	25
2.5.2	Perkembangan Pembangunan Program Homestay di Malaysia	26
2.5.3	Pembangunan Program Homestay di Negeri Sabah	27
2.5.4	Pembangunan Program Homestay di Walai Tokou, Kundasang	30
2.6	Syarat dan Proses Penyertaan Program Homestay	31
2.7	Garis Panduan Pelaksanaan Program Homestay	33
2.8	Sorotan Kajian Lepas Tentang Pembangunan Program Homestay	36
2.8.1	Pelancongan Desa dan Pembangunan Komuniti	36
2.8.2	Program Homestay Sebagai Tarikan Pelancongan luar bandar	40
2.8.3	Penilaian Terhadap Keberkesanan Kualiti Perkhidmatan Pembangunan Homestay	41
2.8.4	Penilaian Terhadap Keberkesanan Kualiti Kepuasan Pelancong	42

2.8.5	Impak Pembangunan Program Homestay Kepada Penduduk Tempatan	44
2.9	Lompang Kajian	49
2.10	Kerangka Konseptual Kajian	50
2.11	Kesimpulan	51

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	53
3.2	Reka Bentuk Penyelidik	53
3.3	Kaedah Penyelidikan	54
3.3.1	Kaedah Kualitatif	54
3.3.2	Kaedah Kuantitatif	55
3.4	Populasi dan Persampelan	55
3.5	Kajian Rintis	57
3.6	Teknik Pengumpulan Data	57
3.8.1	Data Primer	57
3.8.2	Data Sekunder	62
3.7	Teknik Analisis dan Persembahan Data	63
3.7.1	Analisis Data	64
3.8	Kesimpulan	67

BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	68
-----	------------	----

4.2	Profil Demografik Responden	68
4.2.1	Pengusaha Homestay	68
4.2.2	Penduduk Tempatan	70
4.2.3	Pelancong (Domestik dan Antarabangsa)	74
4.3	Ciri Penglibatan Responden dalam Program Homestay	79
4.3.1	Penglibatan Responden Setempat	79
4.3.2	Jenis Penglibatan Responden (Domestik dan Antarabangsa)	82
4.4	Kriteria Pematuhan dan Pengubahsuaian Yang Dilakukan Oleh Pengusaha Homestay Walai Tokou	89
4.4.1	Lokasi Rumah Kediaman	89
4.4.2	Kemudahan Asas	91
4.4.3	Kebersihan	93
4.4.4	Keselesaan	95
4.4.5	Panduan Penyediaan Makanan	97
4.4.6	Tindak Laku Personel Yang Menyediakan Makanan	98
4.4.7	Pengendalian Makanan	98
4.4.8	Perkakas dan Peralatan	100
4.5	Keberkesanan Pelaksanaan dalam Pembangunan Program Homestay dalam Konteks Manfaat dan Sumbangan Program Homestay kepada Penduduk Sekitar	101
4.6	Keberkesanan Pelaksanaan dalam Pembangunan Program Homestay Daripada Perspektif Pelancong (Domestik dan Antarabangsa)	109
4.7	Masalah dan Cadangan dalam Pembangunan program Homestay Walai Tokou	120

4.7.1	Masalah dan Cadangan Komuniti Setempat	120
4.7.2	Masalah dan Cadangan Pelancong (Domestik dan Antarabangsa)	122
4.8	Kesimpulan	123

BAB 5 TAFSIRAN DAN PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

5.1	Pengenalan	124
5.2	Tafsiran Hasil Kajian	124
5.3	Ciri Penglibatan Responden dalam Program Homestay	125
5.2.1	Komuniti Setempat	125
5.2.2	Pelancong (Domestik dan Antarabangsa)	126
5.4	Kriteria Pematuhan dan Pengubahsuaian yang Dilakukan oleh Pengusaha Homestay Walai Tokou	127
5.5	Keberkesanan Pelaksanaan dalam Pembangunan Program Homestay dalam Konteks Manfaat dan Sumbangan kepada Komuniti Setempat	132
5.6	Keberkesanan Pelaksanaan dalam Pembangunan Program Homestay daripada Perspektif Pelancong (Domestik dan Antarabangsa)	135
5.7	Masalah dan Cadangan	138
5.6.1	Komuniti Setempat	139
5.6.2	Pelancong (Domestik dan Antarabangsa)	
5.7	Kesimpulan	139

BAB 6 RUMUSAN DAN PENUTUP

6.1	Pengenalan	140
-----	------------	-----

6.2	Penemuan Kajian	140
6.3	Implikasi Dasar dan Cadangan	142
6.4	Sumbangan Kajian	144
6.4.1	Pelancongan	144
6.4.2	Akademik	144
6.4.3	Polisi dan Dasar Kerajaan	145
6.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	145
6.6	Penutup	147
	BIBLIOGRAFI	148

LAMPIRAN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Kawasan Kajian	8
Rajah 1.2	Kedudukan Homestay	8
Rajah 2.1	Kerangka Teori	22
Rajah 2.2	Model Program Homestay	23
Rajah 2.3	Teori Miller (1999)	25
Rajah 2.4	Proses Pendaftaran Pengusaha	33
Rajah 2.5	Kerangka Konseptual Penyelidik	51
Rajah 3.1	Formula Statistik Deskriptif	66
Rajah 3.2	Formula "Average Index"	66
Rajah 4.1	Jantina Responden Komuniti	71
Rajah 4.2	Komposisi Umur Responden Mengikut Jantina	71
Rajah 4.3	Tahap Pendidikan Responden	72
Rajah 4.4	Tempoh Masa Menetap Di Kampung Senisian Mengikut Jantina	74
Rajah 4.5	Jantina Responden Pelancong	75
Rajah 4.6	Komposisi Umur Mengikut Jantina Pelancong	75
Rajah 4.7	Tahap Pendidikan Responden Pelancong	76
Rajah 4.8	Tujuan Kunjungan Responden	78
Rajah 4.9	Jenis Pelancong Responden	78
Rajah 4.10	Penglibatan Komuniti dalam Program Homestay Mengikut Jantina	79
Rajah 4.11	Kunjungan Ulangan Responden	88
Rajah 4.12	Responden Memperkenalkan Homestay	88

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 2.1	Definisi Operasional	21
Jadual 2.2	Statistik Program Homestay di Malaysia (Sehingga 31 Disember 2015)	27
Jadual 2.3	Senarai Program Homestay di Negeri Sabah (2014)	29
Jadual 2.4	Syarat Penyertaan Program Homestay	32
Jadual 3.1	Penglibatan Ikut Serta dalam Aktiviti Program Homestay Walai Tokou	62
Jadual 3.2	Data Perkaitan Tempoh Masa Menetap di Kampung dan Jantina Responden	66
Jadual 3.3	Kategori Skala	67
Jadual 4.1	Profil Pengusaha	69
Jadual 4.2	Status Perkahwinan	72
Jadual 4.3	Pekerjaan Responden	73
Jadual 4.4	Taraf Perkahwinan Responden	76
Jadual 4.5	Pekerjaan Responden	77
Jadual 4.6	Penglibatan Komuniti Mengikut Demografik Jantina	80
Jadual 4.7	Manfaat Program Homestay	81
Jadual 4.8	Kemajuan Infrastruktur	82
Jadual 4.9	Responden Pernah Mengikut Pakej Mengikut Umur	83
Jadual 4.10	Kekerapan Pelancong dalam Homestay Mengikut Jantina	83
Jadual 4.11	Tujuan Menginap Mengikut Kategori Umur Responden	84
Jadual 4.12	Teman Menginap Ke Homestay Mengikut Kenderaan Yang Digunakan	85

Jadual 4.13	Hari Kedatangan Responden Mengikut Bidang Pekerjaan	86
Jadual 4.14	Sumber Maklumat	87
Jadual 4.15	Manfaat dan Sumbangan Program Homestay dari Aspek Ekonomi	103
Jadual 4.16	Manfaat dan Sumbangan Program Homestay dari Aspek Budaya	106
Jadual 4.17	Manfaat dan Sumbangan Program Homestay dari Aspek Infrastruktur	108
Jadual 4.18	Manfaat dan Sumbangan Program Homestay dari Aspek Persekitaran dan kesihatan	109
Jadual 4.19	Persepsi Pelancong Terhadap Aspek Budaya	111
Jadual 4.20	Persepsi Pelancong Terhadap Aspek Kemudahan asas	114
Jadual 4.21	Persepsi Pelancong Terhadap Aspek Perkhidmatan Homestay	117
Jadual 4.22	Persepsi Pelancong Terhadap Aspek Persekitaran, Keselamatan dan Kebersihan	119
Jadual 4.23	Masalah yang Dihadapi	121
Jadual 4.24	Cadangan Responden	121
Jadual 4.25	Masalah yang Dihadapi	122
Jadual 4.26	Cadangan untuk Meningkatkan Kualiti Pengurusan dan Perkhidmatan	123

SENARAI FOTO

Halaman

Foto 1.1	Kawasan Petempatan Penduduk di Kundasang	10
Foto 1.2	Kundasang War Memorial dan Desa Cattle Dairy Farm	11
Foto 1.3	Gerai buah-buahan dan Sayur-sayuran	11
Foto 4.1	Acara Sambut Tamu	90
Foto 4.2	Pemandangan Sekitar Homestay	90
Foto 4.3	Homestay Walai Tokou	90
Foto 4.4	Ruang Tamu Homestay	92
Foto 4.5	Sistem Perparitan dan Saliran	95
Foto 4.6	Ruang Dapur	100
Foto 4.7	Peralatan dan perkakasan Homestay	101
Foto 5.1	Pelancong Belajar Menganya Bakul	135
Foto 5.2	Pelancong Menari Tarian Sumazau	136
Foto 5.3	Pelancong Belajar Muzik Tradisional	136
Foto 5.4	Pelancong Memakai Baju Tradisional	137



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bab 1 merupakan bahagian pendahuluan yang membincangkan latar belakang kajian tentang penilaian terhadap pembangunan program homestay. Seterusnya, penelitian terhadap permasalahan kajian diikuti oleh persoalan kajian yang membawa kepada pernyataan tiga objektif dalam kajian ini. Bab ini turut menerangkan skop kajian yang meliputi aspek skop isu yang dikaji, lokasi dan responden serta penjelasan ringkas mengenai profil kawasan kajian. Bahagian akhir bab ini menghuraikan kepentingan kajian diikuti oleh ringkasan organisasi bab dalam tesis.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Di Malaysia, kerajaan memberikan penekanan khusus terhadap usaha membangunkan kawasan luar bandar dalam Rancangan Malaysia ke-9 (2006 - 2010). Di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar, salah satu matlamat strategik yang digariskan adalah menekankan program homestay sebagai salah satu produk yang perlu diperkasakan di negara ini (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 2009). Pihak kerajaan turut melancarkan kempen 'satu kampung satu produk' yang merupakan salah satu strategi bagi membantu usahawan luar bandar dalam mempergiatkan usaha mereka dengan mengkomersialkan produk kampung masing-masing.

Dalam usaha mempelbagaikan sumber pendapatan komuniti setempat, sektor pelancongan memberikan suatu alternatif sebagai pemangkin kemajuan sosioekonomi di luar bandar. Oleh itu, pihak kerajaan memperkenalkan program homestay sebagai salah satu produk pelancongan desa (luar bandar) kerana ia

berpotensi besar untuk dibangunkan. Bagi menggalakkan penglibatan komuniti dalam program homestay, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM 28.9 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 bagi tahun 2006 - 2010. Selain itu, sebanyak RM 10 juta di bawah pakej Rancangan Ekonomi Kedua Homestay untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2009 dan 2010. Manakala bagi perbelanjaan mengurus program homestay, pihak kerajaan menyediakan peruntukan Dasar Baru Homestay 2009 sebanyak RM 5,000 dan pakej Rangsangan Ekonomi Kedua Homestay 2009 sebanyak RM 10 juta (Harian Metro, 6 Mei 2010).

Sehubungan itu, pihak kerajaan giat memperkenalkan pelancongan berasaskan komuniti yang semakin berkembang terutamanya di kawasan luar bandar. Walaupun terdapat pelbagai program yang diperkenalkan seperti Malaysia rumah kedua, agro pelancongan, pelancongan memancing, pelancongan sukan, *Fabulous Food 1Malaysia* dan banyak lagi, namun program homestay didapati berjaya menarik perhatian kerajaan untuk terus dikembangkan dengan pelbagai promosi sehingga ke peringkat antarabangsa.

Pelancongan berasaskan komuniti adalah suatu penjana ekonomi yang mendapat perhatian pelbagai pihak. Penekanan terhadap pelancongan seperti ini bermula apabila kerajaan menyedari ia mempunyai potensi dalam membangunkan komuniti khususnya di luar bandar. Aminudin dan A. Jamal (2006) menjelaskan program homestay adalah salah bentuk pelancongan komuniti kerana pelancong dapat berinteraksi secara terus dengan keluarga yang menjadi tuan rumah mereka. Program ini mampu berperanan dalam membangunkan masyarakat luar bandar dengan pelbagai program dan aktiviti yang dilaksanakan.

Di Malaysia, program homestay diperkenalkan secara rasmi pada tahun 1995 menerusi pelancaran program Homestay Kampung Desa Murni di negeri Pahang. Sejak itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPKM) secara rasminya menjadikan homestay sebagai salah satu produk pelancongan negara dan giat dipromosikan ke seluruh dunia. Walaupun sejarah homestay lebih awal bermula di Malaysia iaitu pada tahun 1988 menerusi program pertukaran belia Jepun dengan Malaysia di Kampung Desa Murni Temerloh Pahang, namun ia hanya

mula berkembang pada tahun 1995. Pada umumnya, produk homestay tidak boleh dikategorikan sebagai kemudahan penginapan semata-mata, sebaliknya ia lebih menekankan kepada gaya hidup dan pengalaman termasuk budaya dan kegiatan ekonomi (Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, 2010).

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Pada peringkat awal, ketika dirasmikan di peringkat kebangsaan pada tahun 1995, jumlah komuniti yang terlibat sebagai pengusaha program homestay adalah seramai 250 orang sahaja. Kini, jumlah pengusaha yang berdaftar di bawah KPKM meningkat kepada lebih 3,500 orang. Angka ini menunjukkan suatu peningkatan prestasi yang memberangsangkan. Oleh itu, kajian untuk membuat penilaian semula terhadap pelaksanaan dalam pembangunan program homestay adalah relevan selepas lebih 20 tahun beroperasi secara rasmi di peringkat nasional.

Berdasarkan tinjauan sorotan literatur, kajian terhadap program homestay adalah bermula sedikit lewat daripada usia pembangunannya. Selepas sembilan tahun dirasmikan, baharu kajian berkenaan program homestay dilakukan. Amran (2004) adalah pelopor kepada penyelidikan program homestay yang pada ketika mengkaji tentang isu pembangunan program homestay di luar bandar. Namun begitu, tidak terdapat kajian yang khusus dalam menilai semula pembangunan program homestay di Malaysia. Setakat ini, hanya terdapat penilaian program homestay secara literatur sahaja oleh Kalsom (2011) dan Jabil (2011).

Untuk membangunkan program homestay yang berasaskan penglibatan komuniti di kawasan luar bandar, kelulusan secara rasmi perlu melalui KPKM dengan mengikuti syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan. Program homestay yang dikaji iaitu Homestay Walai Tokoi telah beroperasi selama lebih 15 tahun, justeru penilaian terhadap pelaksanaan pembangunan program homestay sama ada masih mematuhi garis panduan yang ditetapkan atau sebaliknya untuk diteliti semula.

Pada umumnya, objektif utama pelaksanaan program homestay adalah untuk membangunkan komuniti di luar bandar. Sejalan dengan pembangunan program Homestay Walai Tokou yang beroperasi lebih 15 tahun, penilaian terhadap pelaksanaan program ini adalah relevan untuk menilai sejauh mana ia memberikan manfaat kepada penduduk sekitar. Selain itu, program homestay mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kalangan pelancong domestik dan pelancong luar negara. Bagi pelancong domestik, mereka menginap di homestay adalah atas tujuan bercuti atau tempat menginap sementara menghadiri kursus dan seumpamanya. Manakala bagi pelancong luar negara, keunikan budaya komuniti dapat diterokai melalui penglibatan dalam program homestay. Oleh itu, kajian penilaian terhadap kepuasan dan pengalaman pelancong domestik dan luar negara adalah perlu sama ada ia berjaya sepertimana matlamat yang digariskan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan berikut:

- i. Adakah program homestay di Walai Tokou benar-benar mengikuti garis panduan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia?
- ii. Sejauh mana program homestay di Walai Tokou memberi manfaat kepada pengusaha dan penduduk setempat sejak lebih 15 tahun penubuhannya?
- iii. Adakah pelancong berpuas hati dengan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh Homestay Walai Tokou seperti mana matlamat penubuhannya oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana program homestay mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh KPKM dan bagaimana pelaksanaannya memberi manfaat kepada penduduk setempat dan pelancong

sepertimana tujuan asal diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Secara khususnya, kajian ini melibatkan tiga objektif seperti berikut;

- i. Meneliti kriteria pematuhan dan pengubahsuaian dalam pelaksanaan garis panduan yang ditetapkan oleh KPKM oleh pengusaha Homestay Walai Tokou.
- ii. Menilai keberkesanan pelaksanaan dalam pembangunan program homestay dalam konteks manfaat dan sumbangan program homestay kepada penduduk sekitar selepas program ini dilaksanakan lebih 15 tahun.
- iii. Menilai keberkesanan pelaksanaan dalam pembangunan program homestay daripada perspektif pelancong (antarabangsa dan domestik) sama ada berjaya atau sebaliknya sepertimana tujuan asal diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada tahun 1995 dahulu.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop ialah persoalan dan berapa ramai responden yang hendak dikaji untuk mendapatkan maklumat kajian daripada sesuatu populasi (Ahmad Mahdzan, 2005). Skop kajian dilakukan adalah untuk memastikan persoalan dan objektif kajian dalam penyelidikan ini tercapai dan tidak terpesong daripada bidang kajian. Oleh itu, skop kajian dalam penyelidikan ini haruslah meliputi ciri-ciri seperti berikut.

1.6.1 Isu Kajian

Skop isu kajian untuk aspek penilaian pelaksanaan program homestay ini melibatkan tiga isu utama yang saling berkait antara satu dengan lain. Pertama, menilai tahap keberkesanan program homestay yang dijalankan oleh pengusaha sama ada masih mematuhi garis panduan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh KPKM. Skop isu kajian yang kedua adalah dari segi manfaat yang diperolehi oleh komuniti setempat kesan daripada pembangunan program homestay lebih 15

tahun dahulu. Manakala skop isu kajian yang ketiga adalah perspektif pelancong antarabangsa dan domestik terhadap kepuasan mereka daripada segi perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.

1.6.2 Lokasi Kajian

Kajian ini melibatkan satu lokasi yang khusus sahaja iaitu program Homestay Walai Tokou di Kundasang, Sabah. Lokasi ini dipilih kerana ia adalah salah satu program homestay yang berjaya di negeri ini. Program homestay Walai Tokoi memiliki tarikan dan aktivitinya yang tersendiri. Apatah lagi, kedudukannya yang strategik berdekatan dengan Gunung Kinabalu. Sehingga tahun 2017, program homestay ini telah pun beroperasi selama 16 tahun.

1.6.3 Responden Kajian

Dalam kajian ini, fokus responden adalah pihak berkepentingan yang terlibat dalam pelaksanaan program homestay, iaitu pengusaha homestay, penduduk kampung di sekitarnya, pelancong domestik dan antarabangsa. Selain itu, pegawai Sabah Tourism turut ditemu bual dalam kajian ini. Kesemua responden ini adalah penting sebagai subjek untuk mencapai objektif kajian yang ditetapkan.

1.6.4 Tempoh Masa Kajian

Tempoh masa kajian yang dijalankan adalah selama dua tahun iaitu bermula pada tahun 2015 sehingga tahun 2017. Kajian ini adalah berdasarkan penilaian terhadap pelaksanaan program Homestay Walai Tokou yang telah beroperasi selama 16 tahun. Jangka masa operasi yang agak lama ini adalah relevan untuk dinilai semula sama ada pelaksanaan program homestay ini masih mematuhi garis panduan yang ditetapkan, dapat memberikan manfaat kepada komuniti serta mencapai matlamat penubuhannya daripada perspektif pelancong.

1.7 KAWASAN KAJIAN

Kawasan kajian adalah meliputi ciri lokasi kajian dari segi lokasi geografi, persekitaran fizikal dan geografi manusia yang terdapat di kawasan kajian penyelidik.

1.7.1 Ciri Lokasi Geografi

Kajian ini dilakukan di Kampung Senisian yang terletak di daerah Kundasang, Sabah. Kundasang ialah sebuah petempatan di daerah Ranau yang terletak di bahagian tengah negeri Sabah (Ramzah & Buang, 2008). Homestay Walai Tokou terletak di Kampung Sinisian dalam mukim Kundasang, Ranau (Rajah 1.1). Kampung ini mempunyai 768 orang penduduk. Keluasan kampung ialah 343 hektar dengan kedudukannya berhampiran dengan Gunung Kinabalu (Rajah 1.2). Homestay Walai Tokou terletak 13 kilometer dari pekan Ranau dan 98 kilometer dari Kota Kinabalu. Kampung ini dibina pada tahun 1932. Majoriti penduduk di kampung ini berbangsa Dusun.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH